

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

26. Apakah status pembinaan Hospital Islam yang telah diumumkan oleh Pengerusi Yayasan Islam Pulau Pinang dengan membuat pengumuman melalui media mengatakan akan mula beroperasi pada tahun 2020?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Status pembinaan Hospital Islam Pulau Pinang (HIPP) berada di peringkat proses pembaharuan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan (PB).

Pihak Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) telah berjaya membuat serahan dokumen atas talian pada 22 Januari 2020 dan serahan dokumen fizikal pada 28 Januari 2020 kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Segala dokumen bagi tujuan pembaharuan KM dan BP kini sedang disemak oleh pihak MBPP dan pihak MBPP akan memberi maklum balas berkaitan keperluan dokumen dari semasa ke semasa.